


Aktiviti 2

b) Baca pantun. Kemudian, nyatakan maksud pantun.

Hinggap kenari di dahan kerdas,
Mendengar merdunya suara tekukur;
Usah berlari di dalam tandas,
Licin lantainya nanti tersungkur.

Kita dilarang berlari di dalam _____ kerana _____

Mencari lokan berpanas terik,
Berlumpur lengan tidaklah malu;
Kalau menekan suis elektrik,
Pastikan tangan kering dahulu.

Kita hendaklah memastikan _____ sebelum _____

Pergi ke lata membawa joran,
Umpan dijaga dengan cermat;
Kalau kita mengikut peraturan,
Di mana juga pasti selamat.

Kita hendaklah _____ supaya _____

NOTA
- Minta murid membaca rangkap pantun.
- Minta murid mengatakan maksud pantun.

mengikut peraturan	menekan suis elektrik
tandas	sentiasa selamat
tangan kering	lantai yang licin akan menyebabkan kita tersungkur

LIVEWORKSHEETS